

GARIS PANDUAN LHDNM

MENGEMUKAKAN ANGGARAN CUKAI KURANG DARIPADA AMAUN MINIMUM YANG DITETAPKAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 107C(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

1. Subseksyen 107C(3) ACP 1967 memperuntukkan amaun anggaran cukai minimum bagi sesuatu tahun taksiran hendaklah tidak kurang daripada 85% daripada amaun anggaran cukai dipinda atau amaun anggaran cukai jika tiada anggaran cukai dipinda dikemukakan bagi tahun taksiran sebelumnya.
2. Pembayar cukai yang mempunyai masalah untuk mematuhi peruntukan tersebut di atas bolehlah mengemukakan permohonan secara bertulis ke alamat seperti berikut:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Pusat Pemprosesan
Aras 10-18, Menara C, Persiaran MPAJ
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah
Karung Berkunci 11018
50990 Kuala Lumpur
3. Pemohon perlu menerangkan sebab kenapa peruntukan subseksyen 107C(3) tidak dapat dipatuhi dan menyertakan dokumen yang dapat menyokong sebab-sebab yang dinyatakan.
4. Faktor yang boleh dipertimbangkan dalam meluluskan sesuatu permohonan:
 - 4.1 Perniagaan telah ditamatkan
 - 4.2 Pendapatan dari sesuatu punca telah berkurangan dengan ketara atau tidak lagi diterima

Contoh:

 - Aset yang menghasilkan pendapatan sewa telah dijual

- Tiada projek baru
 - Hilang pelanggan besar atau kontrak
 - Kos operasi meningkat menyebabkan margin keuntungan berkurangan dengan ketara
 - Gangguan kepada aktiviti perniagaan seperti kebakaran atau dilanda bencana alam
- 4.3 Syarikat dalam penggulungan
- 4.4 Syarikat diambil alih melalui proses penggabungan dan perolehan
- 4.5 Syarikat mempunyai rugi / elaun modal hantar hadapan yang besar
- 4.6 Pertukaran tempoh perakaunan menyebabkan tempoh asas tahun taksiran semasa lebih pendek daripada tempoh asas tahun taksiran sebelum
- 4.7 Syarikat diberi insentif cukai seperti taraf perintis atau elaun cukai pelaburan

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2 September 2008